



TENDER:

**TAWARAN INSURAN BERKELOMPOK BAGI KAKITANGAN AMANAH IKHTIAR
MALAYSIA BAGI TEMPOH SATU TAHUN**

RUJUKAN :

AIM/JSM/T/00003

TARIKH BUKA:

08.10.2020

TARIKH TUTUP:

23.10.2020

PERINGATAN:

**PETENDER DIKEHENDAKI MEMBACA DENGAN TELITI DAN MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-
BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN TENDER SEBELUM MENGISINYA.**

1. KENYATAAN TAWARAN

- 1.1. Tawaran Tender terbuka Insurans Berkelompok kepada kakitangan di Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk kontrak selama satu (1) tahun adalah dipelawa kepada Ejen Insurans yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Panel Insurans.
- 1.2. Petender harga hendaklah memastikan tempoh pendaftarannya dengan Kementerian Kewangan Malaysia masih sah dalam tempoh pengiklanan.

2. PENYERAHAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA.

- 2.1. Petender harga WAJIB menyerahkan Dokumen Tawaran Sebut Harga (Lampiran 1, 2, 3,dan 4) seperti di JADUAL 1:

JADUAL 1	
Lampiran 1	Borang Tawaran Harga (WAJIB)
Lampiran 2	Surat Perwakilan Kuasa (WAJIB)
Lampiran 3	Keterangan Mengenai Syarikat (WAJIB)
Lampiran 4	Dokumen Sokongan (WAJIB)

- 2.2. Ketidapatuhan kepada keperluan ini akan menyebabkan dokumen Tawaran Sebut Harga TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN.

2.3 Tarikh tutup

- a) Tawaran Tender akan ditutup pada **23.10.2020** pada jam **12.00 tengah hari**.
- b) Tawaran yang lewat dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

2.4. Dokumen tender

- a) Petender boleh mendapatkan dokumen tender berserta lampiran – lampiran berkaitan melalui laman sesawang <http://www.aim.gov.my>
- b) Dokumen Tender yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bergam dan nombor rujukan hendaklah ditulis dipenjuru atas sebelah kiri sampul surat
- c) Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender ke alamat seperti berikut:

Pengurus Kanan
Unit Perolehan dan Pengurusan Aset
Amanah Ikhtiar Malaysia
No.3 Jalan Cempaka SD12/1A
Bandar Sri Damansara, PJU 9
52200 Kuala Lumpur

3. SYARAT- SYARAT AM .

Petender harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai sebut harga tender. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma di bawah ini akan menyebabkan tawaran Petender tidak akan dipertimbangkan.

3.1. Pembiayaan

Petender akan membiayai segala kos yang terlibat dalam penyediaan dan penghantaran Dokumen Sebut Harga Tender. Pihak AIM tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat dalam proses penyediaan Dokumen Sebut Harga Tender.

- 3.2. Keperluan Penyertaan Tender terbuka.
- 3.2.1. Petender harga diwajibkan menyediakan keperluan infrastruktur dari segi komputer, keperluan komunikasi dan internet serta keupayaan sumber manusia untuk menyertai tender terbuka ini dari lokasi Petender sendiri.
- 3.2.2. Keputusan tender terbuka yang dikeluarkan adalah muktamad dan tertakluk kepada Dasar dan Peraturan Perolehan AIM.
- 3.3. Tempoh Sahlaku Tawaran Tender Terbuka
- 3.3.1. Tempoh sahlaku tawaran tender terbuka adalah 6 bulan daripada tarikh tutup tender.
- 3.3.2. Dalam keadaan berkecuali, sebelum tamat tempoh sahlaku tawaran asal, AIM boleh meminta tempoh sahlaku tawaran dilanjutkan. Permintaan dan jawapan akan dilakukan secara bertulis.
- 3.3.3. Petender yang bersetuju dengan permintaan ini tidak diperlukan atau diminta untuk mengubah tawaran asal, tetapi hanya diminta untuk melanjutkan tempoh sahlaku sebutharga.
- 3.4. Harga Tawaran Tender Terbuka.
- 3.4.1. Harga-harga yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun serta kos tambahan yang berkaitan seperti kos duti stamp, cukai atau duti kastam dan lain-lain kos yang bersangkutan dengan pembekalan yang ditawarkan.
- 3.4.2. Harga-harga yang ditawarkan dalam tender terbuka ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas tender ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh Petender yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa perkhidmatan berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.
- 3.5. Tafsiran.
- Sebut harga tender terbuka ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Petender bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.
- 3.6. Hak Menerima Atau Menolak.
- 3.6.1. AIM berhak menerima atau menolak mana-mana Petender dan membatalkan proses tawaran dan menolak semua Petender pada bila-bila masa sebelum sebut harga diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Petender yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak AIM untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Petender yang terlibat.
- 3.6.2. Pihak AIM adalah berhak mempersetujui tawaran petender sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan dalam spesifikasi.
- 3.6.3. Pihak AIM tidak terikat untuk menerima tawaran petender yang terendah sekali atau mana-mana Petender jua pun. Keputusan AIM adalah muktamad dan AIM tidak diperlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Petender.

3.7. Surat Setuju Terima.

- 3.7.1. AIM akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya apabila sebut harga dipersetujui dalam tempoh sahlaku sebut harga.
- 3.7.2. Petender hendaklah membalas Surat Setuju Terima AIM dengan membuat pengesahan dan cop rasmi.
- 3.7.3. Apabila dipersetujui maka satu kontrak hendaklah dimeterai antara pihak AIM dengan Petender.

3.8. Penamatan Kontrak.

AIM mempunyai hak untuk menamatkan perkhidmatan pada bila- bila masa apabila Petender yang berjaya gagal memenuhi obligasi sebut harga mengikut perjanjian.

3.9. Pembedulan Kesalahan

- 3.9.1 Sebarang pindaan atau pembatalan dalam sebut harga oleh Petender selepas dokumen sebut harga dihantar adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 3.9.2. Jika terdapat apa-apa perbezaan dalam pengiraan di dalam sebutharga ianya akan dibetulkan oleh AIM seperti berikut :-
 - a) Jika terdapat perbezaan di antara jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, jumlah dalam bentuk perkataan akan diambilkira.
 - b) Jika terdapat perbezaan di antara kadar unit dan jumlah yang didapati daripada pendaraban kadar unit dan bilangan, kadar unit yang dicatitkan akan diambilkira.
 - c) Jumlah yang dinyatakan di atas sebut harga akan diubah mengikut prosidur di atas bagi pembedulan kesalahan dan Petender adalah terikat atas perubahan ini.

3.10. Hak Milik dan Serahan

- 3.10.1. Semua laporan adalah hak milik AIM dan tidak boleh ditiru dan disalin dalam apa-apa bentuk media untuk pihak lain tanpa kebenaran AIM.
- 3.10.2. Petender yang berjaya hendaklah memastikan supaya semua kerja disempurnakan serahan pada tarikh atau dalam tempoh yang telah ditetapkan.

3.11. Pertanyaan

- 3.11.1 Petender yang memerlukan penjelasan lanjut bolehlah menghubungi:

Jabatan Sumber Manusia
Amanah Ikhtiar Malaysia
No.3 Jalan Cempaka SD12/1A
Bandar Sri Damansara, PJU 9
52200 Kuala Lumpur
Tel: 03-62748810
Email: uppa@aim.gov.my

BORANG TAWARAN HARGA

LAMPIRAN 1

Spesifikasi tawaran Sebut Harga bagi Insuran Berkelompok untuk Kakitangan di Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk kontrak selama satu (1) tahun .

JUMLAH KAKITANGAN PADA SEPTEMBER 2020

BIL	PERKARA	JUMLAH (ORANG)
1	PENGURUSAN TERTINGGI	29
2	PENGURUSAN	56
3	EKSEKUTIF	318
4	NON EXEC	1987
JUMLAH KESELURUHAN		2390

*ANGGARAN BOARD DAN AHLI KELUARGA 40 ORANG

JULAT UMUR KAKITANGAN PADA SEPTEMBER 2020

BIL	JULAT UMUR KAKITANGAN (TAHUN)	JUMLAH (ORANG)
1	20 SEHINGGA 25	197
2	26 SEHINGGA 30	414
3	31 SEHINGGA 35	871
4	36 SEHINGGA 40	350
5	41 SEHINGGA 45	231
6	46 SEHINGGA 50	198
7	51 SEHINGGA 55	115
8	56 SEHINGGA 60	14
JUMLAH KESELURUHAN		2390

CADANGAN JADUAL PERLINDUNGAN PERKHIDMATAN INSURAN BERKELOMPOK

BIL	PERKARA	PERLINDUNGAN INSURANS
1	KEMALANGAN	RM70,000
2	KEMATIAN BIASA	RM50,000
3	KEMALANGAN DAN KEMATIAN	RM120,000

Servis perkhidmatan insurans berkelompok yang diperlukan adalah seperti berikut:

- i. Perkhidmatan insurans kakitangan terlibat dengan kemalangan.
- ii. Perkhidmatan insurans melibatkan kematian kakitangan.
- iii. Perkhidmatan insurans kakitangan terlibat dengan kemalangan dan kematian.

Harga Tawaran : Ringgit Malaysia

.....

Tempoh sah laku Sebut Harga : 30 hari

Dengan ini saya mengesahkan bahawa penerangan di atas adalah benar dan semua harga yang ditawarkan adalah termasuk semua cukai/Fi Perkhidmatan, duti stamp, dan kos penghantaran serta kos-kos lain yang berkaitan ke destinasi terakhir/pengguna yang telah ditentukan termasuk kos penghantaran, dan cukai duti kastam.

.....
(Tandatangan)

Cop Syarikat :

Nama :

Jawatan :

LAMPIRAN 2

SURAT PERWAKILAN KUASA

Kepala Surat
Pengarah Urusan
Menara Amanah Ikhtiar,
No 3 Jalan Cempaka SD 12/1A,
Bandar Sri Damansara PJU9 52200
Kuala Lumpur

Tarikh:

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya no I/C: Selaku pemilik Syarikat..... akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan dengan urusan perolehan sebut harga untuk Kad Perubatan Kakitangan di Amanah Ikhtiar Malaysia bagi tempoh 1 (1) tahun atau mewakilkan kuasa untuk menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:

Nama :
Alamat :
Jawatan :
.....
No. I/C :
No Telefon :
Emel :

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/ rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak tuan sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

.....(tandatangan).....
(NAMA PEMILIK SYARIKAT)
Jawatan :

Cop Syarikat :

Potong yang mana tidak berkenaan.

KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
3. No. Telefon :
4. Tarikh Syarikat Ditubuhkan :
5. Jenis Syarikat :
6. Jenis Perniagaan :
7. Ahli Lembaga Pengarah :

BIL	NAMA	NO. K/P	WARGANEGARA
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			
11			
12			
13			
14			
15			

8. Bilangan Pemegang saham mengikut jumlah unit saham :

BILANGAN PEMEGANG SAHAM		JUMLAH SAHAM	UNIT	%
Bumiputera				
Bukan Bumiputera				

9. Nama dan Alamat Bank :
10. Nombor Akaun Bank :

11. Lain – lain maklumat bagi menyokong cadangan ini :

Saya perakui bahawa segala keterangan di atas adalah benar.

Tandatangan Petender :

Tarikh :

Nama :

Jawatan Rasmi :

No. Telefon (Pejabat) :

No. Telefon (Bimbit) :

Emel :

Cop Rasmi Syarikat :

DOKUMEN – DOKUMEN SOKONGAN

- i. Sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia (wajib);
- ii. Latar belakang (profile) syarikat terkini.

